

**HUBUNGAN KEYAKINAN, LATAR BELAKANG KELURGA DAN AKADEMIK
DENGAN KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI PELAJAR TAHUN AKHIR IJAZAH
SARJANA MUDA FAKULTI PENGURUSAN DAN MUAMALAH, KOLEJ
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)**

SAIDAH NADIAH BINTI SHAMSUL BAHRI

saidahnadiah1455@gmail.com

NUR FIKHRIAH TAKRIL

nurfikhriah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kemahiran berkomunikasi merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi prestasi dan pencapaian seseorang individu termasuklah pelajar di Institut Pengajian Tinggi. Jika kemahiran berkomunikasi ini berada pada tahap yang minima, ia boleh memberikan impak yang negatif kepada prestasi dan pencapaian pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor - faktor yang mempengaruhi kemahiran berkomunikasi pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda bagi Fakulti Pengurusan dan Muamalah, di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu keluarga, akademik dan kokurikulum serta keyakinan diri. Manakala bagi pemboleh ubah bersandar iaitu kemahiran berkomunikasi. Instrumen bagi kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik atas talian (*Google Form*). Sebanyak 230 borang soal selidik telah diedarkan menepati jumlah populasi sebanyak 230 orang pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda yang terlibat dengan kajian ini. Walaubagaimanapun, hanya 141 borang soal selidik yang dianalisis. Pengkaji menggunakan *Statistical Package for Sosial Science (SPSS)* versi 25.0 untuk menganalisa data yang diperoleh daripada borang soal selidik. Kaedah analisa digunakan dalam dapatan kajian ini adalah kekerapan, min, kebolehpercayaan, korelasi pearson dan analisa regrasi berganda. Dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa pemboleh ubah tidak bersandar iaitu keluarga, akademik dan kokurikulum, serta keyakinan diri mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu kemahiran berkomunikasi. Melalui analisa regrasi berganda menunjukkan faktor keyakinan diri yang paling mempengaruhi kemahiran berkomunikasi pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda bagi Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Kata kunci: Keluarga, Akademik dan Kokurikulum, Keyakinan Diri, Kemahiran Berkomunikasi dan Pelajar.

ABSTRACT

Communication skills are one of the factors that contribute to the performance and achievement of an individual, including students at the Institutes of Higher Education. If this communication skills are not mastered, it can give a negative impact on student performance and achievement. This study aims to identify the factors that influence the communication skills of final year degree's student for the Faculty of Management and Muamalah, at the International Islamic University College Selangor (IIUCS). This study is quantitative in nature using independent variables namely family, academic and co-curricular, as well as self-confidence. As for the dependent variable that is communication skills. The instrument for this study is to use the online questionnaires (*Google Form*). A total of 230 questionnaires were distributed to meet

the total population of 230 final year degree's students involved in this study. However, only 141 questionnaires were analysed. The researcher used Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0 to analyse the data obtained from the questionnaire. The analysis methods used in the findings of this study are frequency, mean, reliability, pearson correlation and multiple regression analysis. The findings of this study, shows that the independent variables that are family, academic and co-curricular as well as self-confidence have a significant relationship with the dependent variables that is communication skills. Through multiple regression analysis shows the self-confidence factor that most influence the communication skills of final year degree's students for the Faculty of Management and Muamalah, International Islamic University College Selangor.

Keywords: Family, Academic and Co-Curricular, Self-Confidence, Communication Skills, and Student.

PENGENALAN

Dalam era globalisasi ini, komunikasi amat penting dalam melengkapi kehidupan seseorang. Dengan adanya komunikasi yang berkesan, informasi dapat disampaikan dan disebarakan ke serata pelusuk dunia.

Menurut Amir Aris dan Rozelan (2006) komunikasi merupakan suatu proses interaksi untuk berhubung dari satu pihak ke pihak yang lain. Pada peringkat permulaan, komunikasi dimulai dengan idea-idea abstrak yang terdapat dalam pemikiran seseorang untuk mencari data atau menyampaikan informasi yang kemudiannya disusun dan dikemaskan menjadi satu maklumat dan disampaikan secara langsung mahupun secara tidak langsung menggunakan bahasa berbentuk kod visual, kod suara dan kod tulisan. Selain itu, komunikasi merupakan suatu proses penyampaian mesej dari seseorang individu kepada individu yang lain yang berupaya mewujudkan kefahaman individu lain mengenai mesej yang disampaikan dan kemudiannya informasi itu dapat difahami oleh kedua-dua belah pihak.

Terdapat beberapa fungsi tertentu antaranya ialah komunikasi berperanan menjalinkan hubungan di antara dua orang manusia. Apabila mereka saling bertukar maklumat, maka mereka terlibat dalam satu interaksi yang melahirkan makna. Makna itulah yang akan menghubungkan di antara kedua-dua orang manusia. Semakin banyak maklumat yang dikongsi, semakin banyak makna yang dibentuk dan semakin meningkatlah kefahaman di antara satu sama lain. Daripada kefahaman tersebut, membolehkan kedua-dua orang manusia itu mengenali di antara satu sama lain. Di samping itu, fungsi lain komunikasi juga mampu untuk mempengaruhi sikap, nilai dan kepercayaan orang lain. Di mana, seseorang yang mahir menggunakan komunikasi yang baik dan berkesan mampu untuk mengubah sikap, nilai, dan kepercayaan orang lain terhadap dirinya (Yunus, 2016).

Menurut Haji Niran Noor, Naib Presiden Perhubungan Pemegang Kepentingan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDec) dalam temubual Nurul Haziqah Halim (2014) mengatakan bahawa graduan pada masa kini hendaklah berbakat dalam kemahiran insaniah dan bukan hanya mempunyai kelulusan peperiksaan terbaik. Kemahiran komunikasi adalah salah satu daripada elemen kemahiran insaniah dan merupakan keperluan dalam dunia pekerjaan terutama interaksi antara majikan, pekerja dan pelanggan, dan perkara ini membuatkan kemahiran komunikasi itu amat penting. Berikutan itu graduan yang mampu berkomunikasi dengan baik dapat menjamin kemajuan kerjayanya. Ini disokong oleh Fakulti Pengurusan dan Bahasa, USIM (2014) mengatakan ketika sesi temuduga untuk mendapatkan pekerjaan kemahiran berkomunikasi ini amat diperlukan. Ketika inilah calon-calon temuduga

daripada pelbagai universiti akan bersaing untuk mendapatkan pekerjaan yang ditawarkan. Berikutan itu, graduan yang mampu berkomunikasi dengan baik ketika sesi temuduga menjadikan peluang mendapatkan pekerjaan itu lebih tinggi. Dapat disimpulkan bahawa kemahiran insaniah amat dititik beratkan oleh para majikan semasa mencari pekerja terutama yang bijak mengendalikan orang ramai, bekerja dengan orang ramai serta mampu untuk berkomunikasi dengan orang ramai.

Namun, teknologi kini menjadikan berlaku zaman keobsesan terhadap teknologi sehinggakan mengabaikan orang – orang di sekeliling dan menjejaskan interaksi sosial dalam keluarga dan persekitaran. Di zaman teknologi kini, para pelajar dan pensyarah menggunakan alam maya seperti aplikasi *whatsapp*, untuk berhubung di antara satu sama lain. Jadi, di sini wujudnya tabiat menggunakan *short form* ketika pelajar menghantar mesej kepada para pensyarah. Tabiat ini mendorong kepada kurang kemahiran berkomunikasi serta tidak menunjukkan nilai hormat kepada pendidik. Selain itu, kadar pengangguran yang tinggi pada setiap tahun disebabkan oleh kurang kemahiran berkomunikasi serta kemahiran bahasa yang lemah menyebabkan seseorang individu sukar untuk memperoleh sesuatu pekerjaan.

Berikutan itu faktor-faktor yang mendorong kepada perubahan corak komunikasi perlu dikenalpasti. Faktor- faktor seperti latar belakang keluarga, akademik dan ko-kurikulum serta keyakinan diri membentuk corak komunikasi graduan.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Komunikasi sangat penting dan diperlukan dalam kehidupan harian. Kemahiran berkomunikasi adalah suatu kebolehan untuk mewujudkan interaksi atau suatu hubungan sosial melalui medium perantara atau sebaliknya dengan orang lain (Awang, 2014). Selain itu, kemahiran menulis, membaca, berhujah, mendengar, etika dalam berkomunikasi dan juga penggunaan teknologi merupakan elemen dalam kemahiran berkomunikasi (Nussabaum, 2007). Dengan adanya komunikasi, segala maklumat dapat disampaikan dengan mudah dan juga dapat berkongsi maklumat.

Komunikasi juga tidak lari digunakan di dalam sesebuah organisasi. Di mana komunikasi dalam organisasi dapat mempengaruhi pengurusan organisasi, komunikasi yang dipraktikkan oleh seorang pekerja akan dapat menghasilkan kepuasan kerja yang maksimum dan juga dapat mempengaruhi mutu kerja yang dihasilkan (Harun, 2010). Selain daripada itu, kemahiran berkomunikasi amat penting ketika sesi temuduga untuk mendapatkan pekerjaan (Halim, 2014). Kemahiran berkomunikasi juga menjadi perkara utama dalam proses pembelajaran yang berkesan. Perkara ini melibatkan proses interaksi antara individu dengan individu yang lain untuk memberikan pendapat dengan berkesan (Nurul Jamilah Ismail Rani, 2015). Menurut Abdillah & Suriani (2008), kemahiran berkomunikasi merupakan salah satu kemahiran generik yang amat penting kepada setiap individu untuk menyampaikan sesuatu maklumat dan untuk menjadi seseorang yang cemerlang perlu memahami dahulu proses dan mahir dalam komunikasi.

Oleh itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memberikan penekanan yang serius tentang pembentukan kemahiran insaniah pelajar dan pembentukan platform yang sewajarnya dalam membina kemahiran insaniah ini.. Bermula tahun 2006, Modul Kemahiran Insaniah mula diperkenalkan di semua Institusi Pengajian Awam di mana terdapat tujuh elemen utama yang perlu diberi perhatian dan di antaranya adalah kemahiran berkomunikasi (Ibrahim, 2012).

Antara faktor yang membentuk kemahiran komunikasi, menurut Yuli Setyowati (2005) keluarga juga memainkan peranan yang besar bagi perkembangan anak-anak kerana keluarga merupakan lingkungan pertama yang akan dikenali oleh anak-anak. Anak – anak akan belajar untuk menanggapi orang lain, mengenal dirinya dan belajar untuk mengurus emosi dengan baik

daripada keluarganya. Pengurusan emosi ini bergantung kepada cara komunikasi yang diterapkan dalam keluarga, terutama sikap ibubapa dalam mendidik dan mengasuh anak-anak mereka. Nilai – nilai yang ditunjukkan oleh ibubapa akan diamalkan oleh anak-anaknya. Perlakuan daripada setiap ahli anggota keluarga, terutamanya ibubapa akan diperhatikan oleh anak-anak dan mempengaruhi perkembangan emosi dan akan menjadi ikutan anak-anak.

Seterusnya, komunikasi yang positif dan berkesan telah dikenalpasti sebagai asas kepada sebuah keluarga untuk berfungsi dengan baik. Barnes dan Olson (1985) mendapati apabila komunikasi di antara ibu bapa dan remaja berlaku dengan baik, hubungan antara ahli keluarga akan semakin rapat, dan akan wujudnya sikap kasih sayang antara ahli keluarga. Menurut Bronstein (1994) mendapati bahawa di kalangan keluarga Mexican, interaksi di antara ibu bapa yang mesra dan menyokong menyumbang kepada tingkahlaku anak-anak yang ekspresif, manakala tingkah laku ibu bapa yang menghukum dan bersifat membatasi dengan tingkah laku anak-anak, maka anak-anak akan cenderung menjadi pasif. Sheran (1999) mendapati bahawa corak interaksi antara ibu dan anak akan mempengaruhi kecekapan interaksi sosial kanak-kanak tersebut. Komunikasi yang diamalkan oleh sesebuah keluarga mampu untuk menggambarkan apa yang berlaku dalam keluarga dan juga melihat sejauhmana eratnya tahap perhubungan sesebuah keluarga (Yusoff, 2011).

Selain itu, gaya komunikasi yang diamalkan oleh sesebuah keluarga itu juga mempengaruhi kepada kemahiran komunikasi anak-anak dan juga ahli keluarga. Menurut Agus Susanto (2019), beliau mengatakan bahawa gaya komunikasi yang baik dan yang terbuka antara ahli keluarga dapat menyelesaikan masalah yang timbul dalam keluarga kerana mereka akan berbincang antara mereka untuk mencari solusi yang paling baik terhadap masalah yang dihadapinya.

Faktor dalam lain seperti rasa percaya dalam diri berperanan dalam memberikan semangat serta motivasi kepada individu tersebut untuk bereaksi dengan tepat terhadap segala halangan dan peluang yang hadir pada diri individu tersebut (Ariffin, 2011). Kepercayaan diri adalah sesuatu keyakinan individu terhadap segala kelebihan yang dimilikinya dan dengan kelebihan yang dimilikinya membuatkan individu itu berasa mampu untuk mencapai segala tujuan dalam hidupnya. Selain itu, dengan adanya keyakinan diri yang kuat akan membantu seseorang individu untuk berjaya kerana keyakinan diri adalah syarat utama untuk berjaya, jika seseorang memiliki sesuatu kelebihan, kebijaksanaan dan kemahiran tetapi tidak memiliki keyakinan diri, seseorang itu pasti tidak akan berjaya (Zakaria, 2017).

Kegagalan untuk berkomunikasi dengan baik bagi setiap individu adalah berlain antara satu sama lain. Faktor utama yang mempengaruhi kegagalan berkomunikasi adalah keyakinan diri yang rendah untuk berhadapan dengan orang awam termasuklah di kalangan pelajar untuk melakukan pembentangan secara individu di hadapan kelas dan juga menurut serta dalam melakukan program- program yang dianjurkan oleh Universiti. Perasaan takut, gementar dan malu yang mengakibatkan seseorang individu itu kurang berkeyakinan terhadap diri untuk berucap di depan khalayak ramai. (Nurul Jamilah Ismail Rani, 2015).

Menurut Azlina Kamaruddin (2017) keyakinan diri yang rendah, kebimbangan prestasi, kekhawatiran komunikasi dan penilaian negatif terhadap ketakutan dianggap sebagai kebimbangan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Selain itu, ketika di Universiti aktiviti pembentangan dan sesi soal jawab tidak dapat dipisahkan kerana aktiviti ini merupakan aktiviti pembelajaran yang bersifat formal di Universiti. Tengku Mahaleel (2002) dalam kajian Yahya & Shahabuddin (2011), mengatakan bahawa antara penyebab graduan gagal dalam sesi temuduga adalah kerana graduan ini gagal untuk menyakinkan pihak majikan dengan kelebihan diri masing-masing. Mereka juga gagal untuk memberikan pendapat yang bernas bagi sesuatu isu walaupun ada di antara mereka mempunyai kelulusan akademik yang cemerlang.

Selain faktor dalaman seperti keluarga dan keyakinan diri, kemampuan berkomunikasi yang baik dikalangan pelajar dapat membantu guru untuk mewujudkan nilai-nilai positif bagi meningkatkan kemahiran sosial dan emosi pelajar (Awang, 2014). Dani Kurniawan (2018), komunikasi memainkan peranan yang sangat penting dalam segala aspek kehidupan, termasuk dunia Pendidikan. Proses pendidikan tidak boleh dilepaskan dari aktiviti komunikasi kerana komunikasi berperanan sebagai alat dalam proses menghantar ilmu dari seseorang pendidik kepada anak didikannya.

Menurut Silya, Zikra dan Nurfanah (2012), komunikasi sangat diperlukan untuk mencapai keberhasilan dalam belajar. Dengan adanya komunikasi, mudah bagi mahasiswa untuk berbincang tentang pelbagai perkara mengenai pembelajaran, baik secara lisan mahupun bukan lisan. Kajian lepas oleh McCroskey, Daly dan Sorenson (1984) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara keputusan akademik dan kebimbangan komunikasi pelajar. Kajian mendapati bahawa pelajar yang tinggi tahap kebimbangan komunikasinya mendapat keputusan akademik yang kurang memuaskan berbanding dengan pelajar yang melaporkan tahap kebimbangan komunikasi yang rendah. Pelajar yang mempunyai kebimbangan komunikasi yang tinggi akan menunjukkan sikap yang negatif terhadap sekolah dan pencapaian akademik, ini adalah dapatan kajian daripada (Hurt dan Preiss, 1978; Nik Hasnaa, 2006). Dalam Kajian oleh Abdillah & Suriani (2008) menunjukkan faktor pembelajaran dalam kelas menunjukkan hubungan dengan kemahiran berkomunikasi pelajar. Di mana tahap penguasaan komunikasi pelajar ini banyak dipengaruhi oleh pendedahan yang digunakan oleh para pensyarah dalam berinteraksi dengan pelajar.

Menurut Fadli Rozaq (2012), seseorang dikatakan belajar apabila ada perubahan tingkah laku pada dirinya yang merupakan kemampuan dari hasil pengalaman. Belajar merupakan suatu proses memperoleh pengetahuan dan pengalaman serta mewujudkan perubahan tingkah laku kerana adanya interaksi individu dengan lingkungannya. Menurut Zulkiflee dan Aimi Ayuni (2010), kokurikulum memainkan peranan penting dalam semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti kokurikulum menyediakan pelbagai peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, ilmu pengetahuan, dan nilai-nilai yang telah dipelajari ketika di dalam kelas. Aishah dan Nooraini (2014) keterlibatan remaja di dalam aktiviti kokurikulum juga boleh mendedahkan para pelajar kepada pembangunan modal insan yang sempurna yang mencakupi dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Dengan pembangunan modal insan yang sempurna akan membentuk sahsiah yang tinggi dalam kalangan remaja.

METODOLOGI KAJIAN


Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui borang soal selidik yang diedarkan secara rawak kepada responden di Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajian melibatkan sampel seramai 230 orang pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda di FPM, KUIS. Pemilihan jumlah sampel ini dibuat berdasarkan saranan Krejcie dan Morgan (1970). Namun hanya 141 sahaja yang dapat digunapakai bagi menjayakan kajian ini.

Kaedah penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah kaedah penyelidikan *Bebola Salji (Snowball Sampling)*. Kaedah penyelidikan *Bebola Salji* ini berkesan jika pengkaji sukar untuk mendapatkan data daripada kerangka sampel. Teknik *Bebola Salji* ini adalah di mana pengkaji akan menemui sampel pertama kemudian sampel pertama akan memberikan rekomendasi untuk sampel berikutnya. Oleh itu, dalam kajian ini borang soal selidik (*Google Form*) diedarkan kepada wakil bagi setiap program. Kemudian, wakil ini akan menghantar borang soal selidik tersebut di dalam kumpulan kelas mereka di aplikasi *Whatsapp*. Kemudian ahli-ahli di dalam kumpulan kelas di aplikasi *Whatsapp* tersebut

akan menjawab borang soal selidik itu sehingga pengkaji memiliki data yang cukup untuk di analisis di *Statistical Package of Social Science* versi 25.0.

Kajian in menggunakan instrumen soal selidik kemahiran berkomunikasi yang diadaptasi daripada kajian – kajian lepas oleh Nurul Salmi & Mohd Isha Awang (2014), Aziyah Abu Bakar (2015), Ivy Deirde (2012), Fadli Rozaq (2012) dan Hermadi Fajar (2011). Bagi memastikan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan, penyelidik telah menjalani satu kajian rintis dan dapatan kajian tersebut menunjukkan nilai kebolehpercayaan bagi setiap pemboleh ubah melebihi nilai kebolehpercayaan 0.60.


Analisa dan perbincangan



Rajah 1: Peratusan Responden Berdasarkan Jantina

Rajah 1 memaparkan taburan jantina bagi 141 orang pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda, bagi Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS. Berdasarkan rajah tersebut menunjukkan bahawa bagi jantina perempuan jumlah peratusan yang tertinggi sebanyak 70%. Manakala, bagi jantina lelaki peratusan sebanyak 30%.

Analisa Responden Berdasarkan Umur




Rajah 2:

Peratusan Responden Berdasarkan Umur

Rajah 2 memaparkan taburan kekerapan bagi 141 orang pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda, bagi Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS daripada aspek umur. Rajah mencatatkan pelajar yang berumur 20 hingga 21 tahun peratusan sebanyak 11%. Selain itu pelajar yang berumur 22-23 tahun menunjukkan jumlah peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 65%. Manakalah bagi pelajar yang berumur 24 tahun dan ke atas peratusan adalah sebanyak 24%.


Analisa Responden Berdasarkan Program



Rajah 3 Peratusan Responden Berdasarkan Program

Rajah 3 memaparkan taburan kekerapan bagi 141 orang pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda, bagi Fakulti Pengurusan Dan Muamalah, KUIS daripada aspek program. Rajah mencatatkan pelajar program dari pentadbiran perniagaan dengan e-dagang peratusan sebanyak 12%. Selain itu, bagi pelajar program pengurusan sumber insan menunjukkan peratusan tertinggi sebanyak 34%. Peratusan 9% pula ditunjukkan oleh pelajar program ekonomi dan kewangan. Seterusnya pelajar bagi program perakaunan peratusan sebanyak 16% diikuti dengan pelajar bagi program kewangan islam (perbankan) peratusan sebanyak 18%. Bagi program komunikasi (penyiaran) pula peratusan adalah sebanyak 11%.


Analisa Responden Berdasarkan Latar Belakang Persekolahan



Rajah 4: Peratusan Responden Berdasarkan Latar Belakang Persekolahan

Rajah 4 memaparkan taburan kekerapan bagi 141 orang pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda, bagi Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS daripada aspek latar belakang persekolahan. Rajah 4 mencatatkan pelajar yang menjadi pengawas ketika di sekolah peratusan sebanyak 21% dan ini menunjukkan peratusan yang kedua tertinggi. Bagi pelajar yang menjadi pembimbing rakan sebaya (PRS) di sekolah peratusan adalah sebanyak 11%. Pelajar yang menjadi ahli kelab dan persatuan ketika di alam persekolahan pula peratusan adalah sebanyak 16%, manakala bagi pelajar yang menjadi ketua kelas peratusan adalah sebanyak 10%. Peratusan sebanyak 7% adalah pelajar yang menjadi penolong ketua kelas. Untuk pelajar biasa jumlah peratusan adalah yang paling tertinggi iaitu sebanyak 29% dan untuk lain-lain adalah sebanyak 6%.

Analisa Responden Berdasarkan CGPA



Rajah 5: Peratusan Responden Berdasarkan CGPA

Rajah 5 memaparkan taburan kekerapan bagi 141 orang pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda, bagi Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS daripada aspek CGPA. Rajah mencatatkan pelajar yang CGPA 1.00-2.00 peratusan adalah 0%. Bagi pelajar yang mempunyai CGPA 2.00-3.00 adalah peratusan sebanyak 21%, manakala bagi pelajar yang mempunyai CGPA 3.00-4.00 jumlah peratusan adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 79%.

Analisa Korelasi Pearson

Untuk menjawab objektif kajian untuk mengenalpasti hubungan di antara faktor keluarga, akademik dan kokurikulum serta keyakinan diri dengan kemahiran berkomunikasi, ujian korelasi digunakan. Hubungan antara pemboleh ubah dikenali sebagai korelasi dan kekuatan sesuatu korelasi diwakili oleh pekali korelasi dalam ujian korelasi.

Jadual 4: Jadual Nilai Korelasi

Faktor – faktor yang mempengaruhi kemahiran berkomunikasi di kalangan pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda di FPM, KUIS.	Nilai Korelasi	Nilai Signifikan
Keluarga	.537	.000
Akademik dan Kokurikulum	.621	.000
Keyakinan Diri	.606	.000

Merujuk jadual 4 di atas, ia menunjukkan aras kepercayaan korelasi di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar adalah signifikan bagi faktor -faktor yang mempengaruhi kemahiran berkomunikasi pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda bagi Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS iaitu keluarga, akademik dan kokurikulum, dan keyakinan diri dengan nilai $\alpha=.000$.

Hasil kajian mendapati, terdapat hubungan faktor akademik dan kokurikulum dengan kemahiran berkomunikasi pelajar tahun akhir. Dapatan kajian menemui hubungan yang signifikan dan positif pada tahap sederhana dengan nilai korelasi yang tertinggi 0.621 dan nilai signifikan 0.000. Melalui dapatan kajian ini dapat disimpulkan bahawa faktor akademik dan kokurikulum mempunyai hubungan dengan kemahiran berkomunikasi pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda bagi FPM, KUIS.

Dapatan kajian ini menyokong analisa yang dijalankan oleh Mahzan, Razaq dan Irwan (2020) iaitu keterlibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti pembelajaran dapat membentuk personaliti dan sahsiah pelajar serta keterlibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti memberi kesan terhadap kemahiran berkomunikasi dan juga kecermelangan pelajar. Selain itu, Zulkiflee dan Aimi Ayuni (2010) yang menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum menyediakan pelbagai peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, ilmu pengetahuan dan nilai-nilai yang telah dipelajari ketika di dalam kelas. Turut disokong oleh Aishah dan Nooraini (2014), keterlibatan remaja di dalam aktiviti kokurikulum juga boleh mendedahkan para pelajar kepada pembangunan modal yang sempurna. Berdasarkan dua kajian lepas ini, dapat menguatkan lagi bahawa faktor akademik dan kokurikulum ini akan lebih strategik sekiranya pihak IPT menyediakan aktiviti-aktiviti di dalam kelas yang mengasah lagi kemahiran berkomunikasi para pelajar seperti aktiviti pengucapan awam, berdebat, menyelesaikan masalah dan mengasah teknik menyoal dan menjawab soalan.

Hasil ujian korelasi juga mendapati faktor keyakinan diri adalah hubungan positif yang sederhana dan signifikan pada nilai 0.000 dalam mempengaruhi kemahiran berkomunikasi pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda bagi Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Nilai korelasi yang didapati ialah 0.606. maka dengan itu, terdapat hubungan di antara faktor keyakinan diri dengan kemahiran berkomunikasi pelajar. Hasil dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Innayatullah Kakepoto (2013) menyatakan bahawa halangan pembentangan secara lisan adalah kerana keyakinan diri yang rendah dalam diri para pelajar.

Analisis korelasi bagi faktor keluarga pula menunjukkan hubungan signifikan di tahap yang sederhana dengan nilai korelasi yang paling rendah iaitu 0.537 dengan nilai signifikan 0.000 terhadap kemahiran berkomunikasi pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda bagi Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah faktor keluarga juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran berkomunikasi pelajar. Faktor ini disokong oleh dapatan kajian Che Hasniza (2006) bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara keluarga dengan kemahiran berkomunikasi pelajar. Keluarga penyumbang kepada kemahiran komunikasi anak-anak di mana personaliti *ekstrovert* anak-anak dengan gaya keibubapaan autoritatif dan personaliti jenis psikotik. Hubungan ini dapat disimpulkan bahawa semakin baik persekitaran keluarga, semakin baik kedudukan akademik dan ko-kurikulum dan semakin tinggi keyakinan diri akan membentuk kemahiran komunikasi dikalangan pelajar tahaun akhir. Dapatan ini penting berikutan pelajar ini bakal bergraduasi dan akan memasarkan kebolehan dan kemahiran mereka bagi bersaing mendapatkan pekerjaan.

PERBINCANGAN

Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kemahiran berkomunikasi pelajar di IPT. Antara faktor yang diuji oleh pengkaji ialah keluarga, akademik dan kokurikulum, dan keyakinan diri. Kajian ini dilakukan kepada pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda bagi Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dengan mengguna pakai 141 set responden. Objektif bagi kajian ini adalah untuk mencari hubungan di antara faktor keluarga, akademik dan kokurikulum serta keyakinan diri

dengan kemahiran berkomunikasi pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS. Selain itu, objektif lain iaitu pengkaji ingin mengenalpasti faktor utama yang mempengaruhi kemahiran berkomunikasi pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda bagi Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS.

Berdasarkan dapatan kajian, ketiga-tiga faktor memberi pengaruh di dalam kemahiran berkomunikasi pelajar. Dapatan kajian menemui faktor keyakinan diri, akademik dan kokurikulum, dan keluarga mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan kemahiran berkomunikasi pelajar. Secara terperinci, faktor akademik dan kokurikulum adalah sangat signifikan pada nilai 0.621, diikuti dengan faktor keyakinan diri pada nilai 0.606 dan faktor keluarga pada nilai 0.537. Dari keputusan regresi berganda menunjukkan faktor keyakinan diri adalah yang paling utama dalam mempengaruhi kemahiran berkomunikasi pelajar dengan nilai beta sebanyak 0.338, diikuti dengan faktor akademik dan kokurikulum sebanyak 0.316 dan faktor keluarga pula sebanyak 0.315.

Faktor keyakinan diri sememangnya memberi impak yang besar dalam kemahiran berkomunikasi para pelajar di IPT. Hal ini disebabkan oleh para pelajar mempunyai keyakinan diri pelajar untuk berkomunikasi yang rendah. Kebimbangan prestasi, kekhawatiran komunikasi dan penilaian negatif terhadap ketakutan boleh dianggap sebagai bentuk kebimbangan sosial yang banyak berlaku di kalangan masyarakat pada masa kini. Perkara ini disokong oleh Jamilah, Nursyamimi dan Rahmatunnisah (2015) di mana faktor kegagalan komunikasi adalah kurangnya keyakinan diri untuk berucap di hadapan orang ramai. Perasaan gementar dan malu menyebabkan seseorang individu menjadi takut sekali gus kurangnya keyakinan diri untuk berucap di hadapan audien.

KESIMPULAN

Kesimpulan kajian ini secara keseluruhannya, pengkaji telah menjelaskan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran berkomunikasi pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda bagi Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan berjaya mencapai objektif serta menjawab segala pernyataan yang dinyatakan pada awal kajian ini. Oleh itu, secara amnya kajian ini telah mengenal pasti tiga faktor utama iaitu keluarga, akademik dan kokurikulum, dan keyakinan diri yang mempunyai hubungan yang signifikan dan positif terhadap kemahiran berkomunikasi pelajar di KUIS.

RUJUKAN

- Muqsith. (2013). Abdullah, Prof Madya Dr. Abdul Halim. (2020, Mac 28). *COVID-19 buka mata warga pendidik, pelajar*. Retrieved from Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/03/670374/covid-19-buka-mata-warga-pendidik-pelajar>
- Ahmad, Abdul Faktor yang Mempengaruhi Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Lulusan Diploma Politeknik dan Matrikulasi Terhadap Subjek Kejuruteraan.
- Arifin, Hermadi Fajar. (2011). Pengaruh Kepercayaan Diri Terhadap Komunikasi Interpersonal Santri di Pondok Pesantren Modern Islam Assalaam, Surakarta Solo.
- Arifin, Mohd. Yahya Mohamed. (2007). *Pegawai Perhubungan Awam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Awang, Nurul Salmi & Mohd Isha. (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 45-47.

- Bakar, Aziyah Abu. (2015). Komunikasi Keluarga Dan Pengurusan Konflik: Dari Perspektif Remaja Melayu.
- Buntat, Lee Wee Lim & Yahya. (2006). Penglibatan Pelajar Secara Aktif Dalam Aktiviti Kolej dan Kesan Terhadap Pencapaian Akademik: Suatu Kajian Kes Di Kolej Tuanku Counselor (KTC) UTM Skudai . 1.
- Bronstein, Phyllis. (1994). Pattern of Parent-Child Interaction in Mexican Families: A Cross Cultural Perspective. *International Journal of Behavioral Development*, 423-469.
- Deirde, Ivy. (2012). Penguasaan Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). *Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV kali ke-2* .
- Fakulti Pengajian Bahasa, USIM. (2014, April 8). *Kemahiran Berkomunikasi Di Kalangan Pelajar Ipta Dan Ipts*. Retrieved from Tribunal Harian Online: <http://tribunalharian.weebly.com/kemahiran-berkomunikasi-di-kalangan-pelajar-ipta-dan-ipts.html>
- Ghafar, Mohd. Najib. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Universiti Puta Malaysia.
- Gumiging, Vellenesse Allora. (2019). Pengenalan Kaedah Kuantitatif Dalam Bidang Sains Sosial.
- Halim, Nurul Haziqah. (2014, April 1). *Bakat Dan Kebolehan Berkomunikasi Penting Untuk Mendapat Pekerjaan*. Retrieved from Portal UKM: <https://www.ukm.my/news/arkib-berita/year-2014/april-2014/bakat-dan-kebolehan-berkomunikasi-penting-untuk-mendapat-pekerjaan/>
- Harun, Nor Azlina. (2010). Hubungan Antara Komunikasi Dalam Organisasi Terhadap Kepuasan Pekerja. 1-2.
- Hassan, Yahya Buntat & Muhd Shahabuddin. (2011). Kemahiran Komunikasi Dalam Meningkatkan Keyakinan Diri Pelajar, Satu Tinjauan Di Kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa, Unversiti Teknologi Malaysia.
- Ibrahim, Mohd Zamri. (2012). Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir di Kolej Antarabangsa IKIP .
- Idris, Zulkifli Harun & Aimi Ayuni. (2010). Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ismail, Zulkifli Ariffin & Syarifah Hayati Syed. (2016). Komunikasi Interpersonal dalam Pengurusan Organisasi Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis di Kumpulan Jaminan Perniagaan Telekom Malaysia Berhad . *Global Media Journal*.
- Kakepoto, Innayatullah. (2013). Oral Presentation and Communication Skills in Workplace Environment Among Engineers and ENgineering Students in Pakistan.
- Kamaruddin, Azlina. (2017). Analisis Kualitatif terhadap Faktor Kegagalan Komunikasi Pembujukan dalam Konteks Pengucapan Awam . *Jurnal Komunikasi*, 89-106.
- Kurniadi, Oji. (2001). Pengaruh Komunikasi Keluarga terhadap Prestasi Anak Belajar. 267.
- Kurniawan, Dani. (2018). Komunikasi Model Laswell dan Stimulus-Organism- Response dalam Mewujudkan Pembelajaran Meyenangkan. *Journal Komunikasi Pendidikan*, 60-68.
- Mahmood, Nik Hasnaa. (2006). Kebimbangan Komunikasi Di Kalangan Pelajar UTM: Realiti atau Mitos?
- Minhat, Khadijah. (2017, Mei 29). *Portal MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia*. Retrieved from Keterampilan Diri (Dewasa): <http://www.myhealth.gov.my/keterampilan-diri-dewasa/>

- Mohamed, Mohd Faizullah. (2016). Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam Konteks Membina Insan Berkepimpinan Di Kalangan Pelajar Melalui Aktiviti Kokurikulum Di Universiti . 1-11.
- Morgan, Robert V. & W. Krejcie Daryle. V. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 607-610.
- Muda, Abdillah Royo & Suriani. (2008). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Penguasaan Kemahiran Komunikasi Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Perdana Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kej. Awam, Kej. Elektrik, Kej.Jentera dan Kemahiran Hidup) Di Universiti Teknologi Malaysia
- Nawari. (2010). *Analisis Regresi dengan MS Excel 2007 dan SPSS 17*. Jakarta: Penerbit Gava Media.
- Noh, Che Hasniza. (2006). Hubungan Keluarga dari Aspek Komunikasi dan Gaya Keibubapaan .
- Nurul Jamilah Ismail Rani, N. H. (2015). Kekhuatiran Berkomunikasi Dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Management and Muamalah*, (pp. 270-273).
- Nussabaum, J. & William. (2007). Intergenerational communication across the life span. New York: Lawrence Erlbaum Assoc. Inc.
- Olson, Howard. L. (1985). Parent-Adolescent Education and The Circumplex Model. *Family Development and the Child*. 438-447.
- Othman, Wardatul Aishah & Nooraini. (2014). Kesedaran Kendiri Terhadap Aktiviti Kokurikulum Dan keberkesanannya Kepada Remaja. *Social Science Research*, (pp. 1-9). Kota Kinabalu.
- Piaw, Chua Yan. (2006). *Kaedah Asas Statistik Penyelidikan* . McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Rozaq, Fadli. (2012). Hubungan Komunikasi interpersonal antara Guru dan Siswa dengan Keaktifan Belajar Siswa Kelas XI Program Keahlian Teknik Otomotif di SMK Muhammadiyah 4 Klaten Tengah .
- Setianto, Yearry Panji. (2008, Mac 29). *Teori Komunikasi: Teori Penetrasi Sosial*. Retrieved from Yearry Panji Setianto: <https://yearrypanji.wordpress.com/2008/03/29/teori-penetrasi-sosial/>
- Setiawan, Samhis. (2020, September 8). *GuruPendidikan.com*. Retrieved from Pengertian Keluarga: <https://www.gurupendidikan.co.id/pengertian-keluarga/>
- Setyowati, Yuli. (2005). Poli Komunikasi Keluarga dan Perkembangan Emosi Anak (Studi Kasus Penerapan Pola Komunikasi Keluarga dan Pengaruhnya terhadap Perkembangan Emosi Anak Pada Keluarga Jawa). *Jurnal Ilmu Komunikasi* .
- Sheran. (1999). Family Communication Patterns Measuring Intrapersonal Perceptions Of Interpersonal Relationship. *Journal Communcations*.
- Suhaimin, Taidin. (2009). *Pengertian, Kepentingan & Keajaiban Keyakinan Diri*. Unit Kualiti dan Produktiviti Bahagian Pentadbiran dan Kejuteraan
- Sulaiman Md. Yassin, M. S. (2010). *Komunikasi dalam pengajaran dan kepimpinan pendidikan*. Kuala Lumpur: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Susanto, Agus. (2019). Pola Komunikasi Keluarga dalam Perspektif Islam. 1131- 1142.
- Tiran, Roshan. (2017, November 29). *LEADERONOMICS.COM*. Retrieved from Keyakinan Diri Rahsia Kejayaan Hidup: <https://leaderonomics.com/bm/artikel/membina-keyakinan-diri>
- Yunus, Amir Aris & Rozelan. (2016). Komunikasi Berkesan. 5-6.
- Yusooff, Che Hasniza & Fatimah. (2011). Corak Komunikasi Keluarga dalam Kalangan Keluarga Melayu di Terengganu . *Jurnal Hadhari*, 45-62.

Zakaria, Siti Maziah. (2017). Kuasai Keyakinan Diri!

Zeckry, Muhd Soulhiey. (2018, Julai 8). *Wacana Az-Zeckry*. Retrieved from
Kepentingan Institusi Kekeluargaan: [http://zeckry.net/2018/07/08/kepentingan-
institusi-kekeluargaan/](http://zeckry.net/2018/07/08/kepentingan-institusi-kekeluargaan/)